



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 10 OKTOBER 2020

#### **STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **73 kes** yang telah pulih COVID-19 pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **10,780 kes** (71.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### **STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA**

Sehingga 10 Oktober 2020 pukul 12:00 tengah hari, **374 kes baharu** telah dilaporkan hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **15,096 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 4,161 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Jika dilihat pecahan utama jumlah kes hari ini, ianya menunjukkan tren yang hampir sama dengan semalam. Negeri Sabah mencatat jumlah kes tertinggi iaitu 277 kes (74.1 peratus). Lebih banyak aktiviti saringan terus dijalankan di lapangan, terutama di pelbagai daerah PKPD dan PKPD secara pentadbiran, dan kapasiti ujian terus dipertingkatkan. Negeri Kedah pula mencatatkan 27 kes

(7.2 peratus) yang kesemuanya adalah daripada Kluster Tembok. Kes-kes ini sememangnya terasing di dalam penjara manakala kluster-kluster lain adalah terkawal hasil tindakan kesihatan awam yang telah dijalankan. Negeri-negeri Lembah Klang pula merangkumi 13.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes, iaitu Negeri Selangor mencatat 44 kes, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 4 kes dan Wilayah Persekutuan Putrajaya 1 kes.

Ingin dimaklumkan daripada 374 kes baharu yang dilaporkan, **dua (2) kes** adalah kes import yang telah mendapat **jangkitan dari luar negara** iaitu dari Filipina dilaporkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, melibatkan satu (1) warganegara dan satu (1) bukan warganegara.

Daripada 372 kes **penularan di dalam negara**, 343 kes adalah warganegara Malaysia dan 29 kes adalah bukan warganegara. Daripada 372 **kes penularan di dalam negara**, 17 kes pula merupakan pengunjung yang pulang dari Sabah, sekaligus menjadikan jumlah kes dilaporkan mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah sejak 20 September 2020 sebanyak 341 kes.

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah: 277 kes**

- 113 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- 31 kes daripada kluster-kluster sediaada;
- 15 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Highway**; dan
- 118 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 44 kes**

- 13 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Enam (6) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah);

- Tujuh (7) kes daripada kluster sediaada;
  - Enam (6) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Bah Manggis**;
  - Tiga (3) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Utama**;
  - Tiga (3) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tasik**;
  - Satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Simera**; dan
  - Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kedah: 27 kes** daripada Kluster Tembok.
- **Sarawak: 9 kes**
    - Empat (4) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah);
    - Empat (4) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Putra**; dan
    - Satu (1) kes lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 4 kes**
    - Tiga (3) kes daripada kluster sediaada;
    - Satu (1) kes saringan COVID-19 lain.
- **Pulau Pinang: Tiga (3) kes** daripada Kluster Penjara Reman.
- **Johor: Dua (2) kes**
    - Satu (1) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah); dan
    - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perak: Dua (2) kes**
    - Satu (1) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah); dan
    - Satu (1) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: Dua (2) kes**
  - Satu (1) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah); dan
  - Satu (1) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Melaka: Satu (1) kes** saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah).
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Satu (1) kes** daripada kluster sediaada.

Sehingga kini, terdapat **73 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **28 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **tiga (3) kes kematian** berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **155 kes** (1.03 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes-kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

<b>Kes kematian</b>	<b>Kes</b>	<b>Jantina</b>	<b>Umur (tahun)</b>	<b>Hospital</b>	<b>Latar Belakang</b>
<b>153</b>	14038	Lelaki WN	61	Hospital Tawau	Penyakit kencing manis dan Tuberculosis mata
<b>154</b>	14974	Perempuan WN	54	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit kencing manis, darah tinggi dan obesiti

155	14999	Lelaki WN	51	Hospital Semporna	Penyakit kencing manis, darah tinggi dan penyakit jantung
-----	-------	--------------	----	----------------------	--

\* WN merujuk kepada warganegara dan BWN bukan warganegara

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

## **ENAM (6) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI**

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat **enam (6) kluster baharu** telah dikenal pasti pada hari ini iaitu di negeri:

- Selangor - Empat (4) kluster;
- Sabah – Satu (1) kluster; dan
- Sarawak - Satu (1) kluster.

### **1) KLUSTER HIGHWAY, SABAH**

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kota Belud, Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-12205) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan bergejala pada 3 Oktober 2020 dan dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth, Sabah. Saringan kontak rapat telah mengenalpasti 22 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 10 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 59 individu telah disaring, di mana:

- 23 kes dikesan positif COVID-19; dan
- 36 individu negatif.

## **2) KLUSTER BAH MANGGIS, SELANGOR**

Kluster baharu ini melibatkan daerah Tawau, Sabah dan daerah Kuala Langat, Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-12866) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan bergejala pada 5 Oktober 2020 dan dimasukkan ke Hospital Tawau, Sabah. Saringan kontak rapat telah mengenalpasti tujuh (7) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 10 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 107 individu telah disaring, di mana:

- Lapan (8) kes dikesan positif COVID-19;
- 26 individu negatif; dan
- 73 individu masih menunggu keputusan.

## **3) KLUSTER UTAMA, SELANGOR**

Kluster baharu ini telah dikenal pasti di daerah Gombak dan Petaling, Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-12549) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 4 Oktober 2020. Mereka telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Saringan kontak rapat telah mengenalpasti sembilan (9) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 10 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 114 individu telah disaring, di mana:

- 10 kes dikesan positif COVID-19;
- 15 individu negatif; dan
- 89 individu masih menunggu keputusan.

#### **4) KLUSTER TASIK, SELANGOR**

Kluster baharu ini melibatkan Miri, Sarawak dan daerah Petaling, Hulu Langat dan Klang di negeri Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-13489) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan di pintu masuk ke negeri Sarawak pada 3 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Miri. Saringan kontak rapat telah mengesan sembilan (9) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 10 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 15 individu telah disaring, di mana:

- 10 kes dikesan positif COVID-19;
- Satu (1) individu negatif; dan
- Empat (4) individu masih menunggu keputusan.

#### **5) KLUSTER SIMERA, SELANGOR**

Kluster baharu ini melibatkan daerah Besut di negeri Terengganu, daerah Kuantan di negeri Pahang, daerah Petaling, Klang dan Hulu Langat di negeri Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-13991) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil individu bergejala pada 6 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Hulu Terengganu, Kuala Berang. Saringan kontak rapat telah mengesan tujuh (7) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 10 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 126 individu telah disaring, di mana:

- Lapan (8) kes dikesan positif COVID-19;
- 88 individu negatif; dan

- 30 individu masih menunggu keputusan.

## **6) KLUSTER PUTRA, SARAWAK**

Kluster baharu ini telah dikenal pasti di daerah Bintulu, Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-14696) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan di pintu masuk ke negeri Sarawak pada 8 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Bintulu, Sarawak. Saringan kontak rapat telah mengesan empat (4) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 10 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 57 individu telah disaring, di mana:

- Lima (5) kes dikesan positif COVID-19;
- Dua (2) individu negatif; dan
- 50 individu masih menunggu keputusan.

## **STATUS TERKINI KLUSTER-KLUSTER AKTIF YANG LAIN DENGAN KES POSITIF COVID-19 PADA HARI INI**

Selain daripada enam (6) kluster di atas, terdapat 10 kluster aktif lain yang mempunyai kes positif COVID-19 pada hari ini iaitu:

- 27 kes daripada Kluster Tembok;
- 18 kes daripada Kluster Ramai-Ramai;
- Lapan (8) kes daripada Kluster Benteng LD;
- Enam (6) kes daripada Kluster Bah Puchong;
- Tiga (3) kes daripada Kluster Tanamera;
- Tiga (3) kes daripada Kluster Penjara Reman;



- Dua (2) kes daripada Kluster Laut;
- Dua (2) kes daripada Kluster Jalan Meru;
- Satu (1) kes daripada Kluster Benteng PK; dan
- Satu (1) kes daripada Kluster Selasih.

Maklumat lanjut kluster-kluster ini adalah seperti di **LAMPIRAN 2**.

## **MOBILISASI PASUKAN BANTUAN KESIHATAN DAN PERUBATAN KE NEGERI SABAH**

Seperti dimaklumkan sebelum ini, KKM telah menggerakkan pasukan bantuan ke Tawau, Lahad Datu, Semporna, dan Kota Kinabalu, Sabah bagi membantu menangani penularan COVID-19 di sana. Mobilisasi pasukan bantuan secara dalam negeri di Sabah telah dilakukan sejak awal peningkatan bilangan kes COVID-19 di sana lagi. Sehingga 8 Oktober 2020, sejumlah 249 orang anggota Perubatan dan 48 orang anggota Kesihatan Awam telah digerakkan secara dalaman negeri Sabah. Sehingga tarikh yang sama juga, sejumlah 130 orang anggota Perubatan dan 48 orang anggota Kesihatan Awam telah digerakkan dari lain-lain negeri ke negeri Sabah. Ini menjadikan secara keseluruhannya setakat ini 475 orang anggota pelbagai kategori dan skim perkhidmatan yang telah digerakkan ke Tawau, Lahad Datu, Semporna, dan Kota Kinabalu.

Penilaian keperluan sumber manusia akan terus dilakukan secara berterusan bagi membantu mengawal situasi penularan jangkitan COVID-19 di negeri Sabah, di samping memastikan kelangsungan perkhidmatan kesihatan di sana. Pada masa yang sama, kebajikan semua anggota kesihatan dan perubatan akan terus diutamakan bagi memastikan mereka selaku aset utama KKM dapat menjalankan tugas mereka dengan baik. Terima kasih diucapkan kepada

semua anggota kesihatan dan perubatan serta semua sukarelawan yang telah sama-sama membantu memerangi COVID-19 di Malaysia setakat ini. KKM ingin menyeru sekali lagi penglibatan lebih banyak sukarelawan perubatan dan kesihatan untuk membantu KKM dalam menangani gelombang ketiga COVID-19. Koordinasi akan dijalankan oleh pihak *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan (emel: [mobilisasi19@gmail.com](mailto:mobilisasi19@gmail.com) , [cprc@moh.gov.my](mailto:cprc@moh.gov.my)).

### **HOSPITAL MEDAN DI TAWAU, SABAH**

Seperti yang diumumkan oleh Menteri Kanan Pertahanan YB Dato' Seri Ismail bin Sabri, sebagai langkah kesiapsiagaan hospital di Pantai Timur Sabah, KKM dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sedang merancang mewujudkan hospital medan di Tawau. Pesakit-pesakit bukan COVID-19 dari Hospital Tawau akan dirawat di hospital medan ini khususnya untuk perkhidmatan Obstetrik dan Ginekologi, Pediatrik dan Pembedahan Am. Ini akan memberi lebih banyak ruang kepada Hospital Tawau untuk merawat kes-kes yang memerlukan penjagaan rapi (kategori 3 - 5) termasuk yang dirujuk dari daerah berdekatan khususnya Semporna, manakala kes-kes yang tidak mempunyai gejala atau gejala ringan (kategori 1 dan 2) akan terus ditempatkan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC).

Perkara ini telahpun dibincangkan semasa Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara bersama YAB Perdana Menteri hari ini. KKM masih dalam peringkat perbincangan untuk menempatkan hospital medan ini di Kompleks Sukan Tawau, tertakluk kepada kesesuaian. Perancangan awal adalah bagi menempatkan 100 katil di hospital medan ini, dan kapasiti serta keperluan

kemudahan lain akan dinilai dari semasa ke semasa. Maklumat lanjut akan diberikan setelah dimuktamadkan kelak.

## **SAMBUTAN HARI KESIHATAN MENTAL SEDUNIA**

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kesihatan Mental Sedunia kepada semua rakyat Malaysia.

Dalam keadaan negara sekarang sedang bergelut mendepani cabaran pandemik COVID-19 ini, KKM sedar bahawa kesihatan mental setiap orang boleh terkesan dengan pelbagai cara. Amat penting untuk masyarakat mempunyai pengetahuan bagi mengenalpasti awal gejala masalah kesihatan mental dan kemurungan agar bantuan awal dapat diberikan. KKM melalui program Let's TALK Minda Sihat mengajak semua lapisan masyarakat untuk bersama-sama berganding bahu bagi memperkasakan diri dengan penjagaan kesihatan mental dan menangani stigma terhadap penyakit mental.

Mulakan dengan bercakap dengan seseorang yang dipercayai:

T- *Tell someone you trust about your problem* (Kongsi masalah dengan orang yang dipercayai)

A- *Ask for Help* (Minta Bantuan)

L- *Listen without judgement* (Dengar tanpa menghukum atau menghakimi)

K- *Know where to seek help* (Tahu di mana untuk dapatkan bantuan)

Setiap daripada kita berperanan untuk tidak menstigmakan tetapi sebaliknya membantu orang yang kita sayang atau orang-orang yang di sekeliling kita untuk tampil mendapatkan bantuan bagi permasalahan yang dihadapi. KKM turut menyediakan perkhidmatan MHPSS dan juga talian sokongan psikososial

bagi membantu masyarakat termasuk petugas barisan hadapan yang memerlukan perkhidmatan bantuan awal psikologi. Selain itu, KKM akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti MERCY, KSK- Care JAKIM, Talian KASIH dan lain-lain NGO dalam memastikan perkhidmatan sokongan psikososial bersepadu.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bersejela (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
  - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
  - Amalkan etika batuk dan bersin;
  - Dapatkan rawatan segera jika bersejela;
  - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;

- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

10 Oktober 2020 @ 5.30 petang.

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 10 OKTOBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SABAH</b>	277	3,842
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	6 (2)	2,739
<b>SELANGOR</b>	44	2,575
<b>KEDAH</b>	27	1,653
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	0	1,069
<b>JOHOR</b>	2	811
<b>SARAWAK</b>	9	751
<b>PAHANG</b>	0	385
<b>PERAK</b>	2	298
<b>MELAKA</b>	1	270
<b>KELANTAN</b>	0	171
<b>PULAU PINANG</b>	3	171
<b>TERENGGANU</b>	0	154
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	1	117
<b>W.P. LABUAN</b>	2	52
<b>PERLIS</b>	0	38
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>374 (2)</b>	<b>14,722</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

**Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif Pada Hari Ini  
(10 Oktober 2020)**

Kluster	Negeri	Daerah	Kes Baharu	Jumlah Kes	Jumlah Yang Disaring	Kes Aktif (Kes ICU)	Jumlah Sembuh	*BWN	Jumlah Kematian
1. Tembok	Kedah Perak	Kota Setar, Kamunting, Kubang Pasu, Pendang	27	1,234	6,155	1,233 (8)	0	76	1
2. Ramai-Ramai	Sabah	Sandakan	18	66	393	66 (1)	0	2	0
3. Benteng LD	Sabah	Lahad Datu, Tawau, Sandakan, Kinabatangan	8	975	16,379	66 (0)	908	382	1
4. Bah Puchong	Selangor, Perak, WP Kuala Lumpur	Klang, Kinta, Larut Matang & Selama, Titiwangsa	6	14	54	14 (0)	0	0	0

5.	Penjara Reman	Pulau Pinang	Timur Laut	3	18	1663	17 (0)	0	3	1
6.	Tanamera	Sabah	Tawau	3	14	51	14 (0)	0	2	0
7.	Laut	Sabah	Kunak	2	115	617	111 (0)	4	113	0
8.	Jalan Meru	Selangor, Johor, Kelantan, WPKL & Putrajaya	Hulu Langat, Klang, Gombak, Petaling, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Johor Bharu, Kota Bharu, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong	3	84	597	83 (0)	0	1	0
9.	Benteng PK	Selangor	Klang, Kuala Langat	1	17	155	17 (0)	0	8	0



---

10.	Selasih	WPKL & Putrajaya, Selangor, Johor	WP Putrajaya, Sepang, Johor Bharu	1	16	281	16 (0)	0	0	0
-----	---------	--	---	---	----	-----	--------	---	---	---

---

\*BWN = Bukan Warganegara